



**PEKELILING
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK
BILANGAN 1 TAHUN 2025**

**DASAR TINDAKAN PENGGANTUNGAN ATAU
PEMBATALAN LESEN**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memberi garis panduan dalam pelaksanaan tindakan penggantungan atau pembatalan lesen yang akan dikenakan ke atas pemegang lesen bagi pelanggaran yang dilakukan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 [Akta 334] ("Akta 334") memperuntukan mengenai pelesenan dan pengawalseliaan kenderaan perdagangan dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan.
- 2.2. Pemegang lesen adalah wajib untuk mematuhi mana-mana peruntukkan yang ditetapkan dalam Akta 334 dan termasuklah setiap dasar atau syarat yang ditetapkan oleh Lembaga pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa.

- 2.3. Pelaksanaan tindakan penggantungan atau pembatalan ke atas lesen bagi pelanggaran yang dilakukan mampu meningkatkan pematuhan pemegang lesen ke atas apa-apa dasar atau syarat yang dikenakan ke atas lesen.
- 2.4. Tindakan ini juga dilihat dapat bertindak sebagai medium pencegahan bagi menginstitusikan, menggalakkan dan membudayakan pematuhan ke atas apa-apa dasar atau syarat yang dikenakan ke atas lesen oleh pemegang lesen.

3. TAKRIFAN

Bagi maksud Pekeliling ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain—

“Lembaga” ertinya satu entiti yang ditubuhkan di bawah seksyen 3, Akta 334 dan terdiri daripada anggota-anggota yang dilantik oleh Menteri di bawah Seksyen 6 Akta yang sama;

“Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak” (“LPKP Sarawak”) ertinya agensi yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perkara-perkara yang berhubung dengan pelesenan dan pengawalseliaan kenderaan perdagangan dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya di Sarawak;

“lesen” ertinya lesen yang dikeluarkan di bawah Akta 334 dan termasuklah suatu lesen jangka pendek yang dikeluarkan di bawah seksyen 18 kecuali lesen perniagaan pengantaraan yang dikeluarkan di bawah Bahagian IVA Akta 334;

“menyimpan kenderaan” ertinya meletakkan kenderaan dalam keadaan statik di suatu tempat yang sama secara berterusan melebihi tempoh 3 jam atau membiarkan kenderaan dalam keadaan statik di suatu tempat yang sama tanpa pemandu dan enjin kenderaan ditemukan pada suhu yang rendah;

“pemegang lesen” ertinya orang yang kepadanya dikeluarkan lesen oleh LPKP Sarawak; dan

“Surat Tunjuk Sebab” ertinya Surat Pengemukaan Representasi Bertulis yang dikeluarkan kepada pemegang lesen bagi memberi peluang kepadanya untuk mengemukakan representasi bertulis yang mahu dibuatnya berhubung ketidakpatuhan atau pelanggaran yang dilakukan.

4. PUNCA KUASA

Seksyen 25, Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 [Akta 334] memperuntukkan seperti berikut:

“Kuasa membatalkan atau menggantung lesen

25. (1) Lembaga boleh membatalkan atau menggantung apa-apa lesen yang diberikan di bawah Akta ini—
- (a) atas alasan bahawa mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain atau mana-mana syarat lesen telah tidak dipatuhi;
 - (b) atas alasan bahawa lesen itu telah didorongi oleh kenyataan palsu mengenai fakta oleh pemegang lesen itu atau bagi pihaknya; atau
 - (c) jika Lembaga berpuas hati bahawa kenderaan motor itu telah digunakan atau dicadang hendak digunakan bagi maksud yang menyalahi undang-undang atau maksud asal yang baginya lesen itu dikeluarkan tidak lagi wujud:

Dengan syarat bahawa Lembaga tidaklah boleh membatalkan atau menggantung lesen itu atas alasan pelanggaran mana-mana syarat melainkan ia berpuas hati, selepas memberi peluang kepada pemegang lesen untuk membuat apa-apa representasi bertulis yang mahu dibuatnya, bahawa oleh kerana kerapnya berlaku pelanggaran atau oleh kerana pelanggaran itu dilakukan secara sengaja atau oleh kerana bahaya kepada awam akibat daripada pelanggaran itu, lesen itu patut dibatalkan atau digantung.

- (2) Bagi maksud subseksyen (1), pelanggaran mana-mana syarat yang dinyatakan dalam perenggan 20(1)(a) atau (b) hendaklah disifatkan sebagai pelanggaran yang merupakan bahaya kepada awam.
- (3) Jika sesuatu lesen telah dibatalkan atau digantung, ia tidak akan berkuat kuasa dari tarikh pembatalan itu atau semasa tempoh penggantungan tersebut, mengikut mana-mana yang berkenaan.”.

5. KEADAAN YANG MEMBOLEHKAN LESEN DIGANTUNG ATAU DIBATAL

Berikut adalah tujuh (7) keadaan di mana lesen boleh digantung atau dibatalkan sepertimana yang diperuntukkan dalam seksyen 25, Akta 334—

Seksyen 25(1)(a)

- (i) Tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta 334;
- (ii) Tidak mematuhi mana-mana undang-undang bertulis lain;
- (iii) Tidak mematuhi mana-mana syarat lesen;

Seksyen 25(1)(b)

- (iv) Pemberian lesen didorongi dengan kenyataan palsu mengenai fakta;

Seksyen 25(1)(c)

- (v) Kenderaan motor telah digunakan bagi maksud yang menyalahi undang undang;
- (vi) Kenderaan motor dicadang hendak digunakan bagi maksud yang menyalahi undang undang; dan/atau
- (vii) Maksud asal lesen dikeluarkan tidak lagi wujud.

6. ALASAN YANG MEMBOLEHKAN LESEN DIGANTUNG ATAU DIBATAL

Berikut adalah tiga (3) alasan di mana lesen boleh digantung atau dibatalkan sepertimana yang diperuntukkan dalam seksyen 25, Akta 334—

- (i) Pelanggaran kerap dilakukan;
- (ii) Pelanggaran sengaja dilakukan; dan/atau
- (iii) Pelanggaran mengakibatkan bahaya kepada awam.

7. JENIS-JENIS TINDAKAN

Jenis-jenis tindakan yang boleh diambil ditetapkan seperti berikut:

7.1. Surat Amaran

Surat amaran berkaitan pelanggaran dikeluarkan. Tindakan pembetulan (jika ada) hendaklah diambil dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan surat amaran. Kegagalan untuk mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya (jika ada) dalam tempoh yang dinyatakan boleh mengakibatkan lesen kenderaan yang berkaitan digantung.

7.2. Gantung Kad Pemandu

Kad pemandu pemandu yang melakukan pelanggaran atau dihadapkan ke Mahkamah untuk pengadilan kes jenayah/ trafik akan digantung dan pemandu tidak boleh, dalam tempoh penggantungan, memandu atau menggunakan sesuatu kenderaan perdagangan. Penggantungan kad pemandu berkuat kuasa selepas 7 hari dari tarikh Notis Penggantungan

(melainkan atas arahan bertulis daripada Lembaga). Pemanduan atau penggunaan sesuatu kenderaan perdagangan oleh pemandu yang telah digantung kad pemandu boleh mengakibatkan lesen kenderaan yang digunakan digantung.

7.3. Gantung Lesen Kenderaan

Lesen kenderaan yang melakukan/ digunakan untuk melakukan pelanggaran digantung. Penggantungan lesen berkuat kuasa selepas 7 hari dari tarikh Notis Penggantungan (melainkan atas arahan bertulis daripada Lembaga). Kegagalan untuk mematuhi larangan berhubung lesen kenderaan yang telah digantung atau kegagalan untuk menyerahkan lesen kenderaan yang telah digantung kepada Jabatan Pengangkutan Jalan ("JPJ") dalam tempoh yang ditetapkan (jika berkaitan) boleh mengakibatkan lesen kenderaan yang berkaitan dibatalkan.

7.4. Batal Kad Pemandu

Kad pemandu yang digantung akan dibatalkan sekiranya pemandu yang berkaitan disabitkan bersalah dalam kes Mahkamah (jenayah/ trafik) atau didapati memandu atau menggunakan kenderaan perdagangan dalam tempoh penggantungan. Pembatalan Kad Pemandu berkuat kuasa selepas 7 hari dari tarikh Notis Pembatalan (melainkan atas arahan bertulis daripada Lembaga). Pemilik kad pemandu yang digantung akan disenarai hitam.

7.5. Batal Lesen Kenderaan

Lesen kenderaan akan dibatalkan sekiranya kesalahan dilakukan melebihi 3 kali dalam tempoh 3 tahun. Pembatalan lesen berkuat kuasa selepas 7 hari dari tarikh Notis Pembatalan (melainkan atas arahan bertulis daripada Lembaga). Kegagalan untuk mematuhi larangan berhubung lesen kenderaan yang telah dibatalkan boleh mengakibatkan semua lesen kenderaan yang dikeluarkan kepada pemegang lesen di bawah Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 [Akta 334] dan termasuklah suatu lesen jangka pendek yang dikeluarkan di

bawah seksyen 18 Akta yang sama dibatalkan. Kesemua jenis bayaran yang telah dijelaskan oleh pemegang lesen tidak akan dipulangkan semula.

7.6. Senarai Hitam

Mana-mana perniagaan atau syarikat atau pemilik perniagaan atau ahli lembaga pengarah syarikat dan setiausaha syarikat yang telah dibatalkan semua lesen kenderaan perdagangan yang dikeluarkan atas namanya akan disenarai hitam bagi tempoh maksimum sehingga tiga (3) tahun. Sebarang permohonan baharu yang melibatkan pemilik atau ahli lembaga pengarah dan setiausaha yang disenarai hitam tidak akan diproses sepanjang tempoh berkenaan.

7.7. Arahan Penganjuran Aktiviti, Ceramah, Taklimat atau Kursus yang Bersesuaian

Pemegang lesen diarahkan untuk menganjurkan aktiviti, ceramah, taklimat atau kursus yang bersesuaian untuk pemegang lesen dan pekerjaanya (yang terlibat dalam sektor kenderaan perdagangan) bagi meningkatkan kesedaran pematuhan perundangan berhubung kenderaan perdagangan terutamanya syarat pelesenan dan kesedaran keselamatan jalan raya bagi mengubah sikap dan tingkah laku mereka agar lebih bertanggungjawab dan berhati-hati dalam mengendalikan, menggunakan, menyebabkan atau membenarkan penggunaan sesuatu kenderaan perdagangan.

8. PERWAKILAN KUASA

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Seksyen 11 Akta 334 dan bagi maksud pelaksanaan Pekeliling ini, Lembaga telah mewakilkan kuasa dan fungsinya dalam memutuskan mengeluarkan Surat Amaran dan Surat Pengemukaan Representasi Bertulis (Surat Tunjuk Sebab) kepada Pengarah LPKP Sarawak.

9. JAWATANKUASA PENGESYORAN

9.1. Maka hendaklah dilantik Jawatankuasa Pengesyoran di bawah seksyen 8, Akta 334 untuk membantu Lembaga meneliti, menimbang dan memberi pengesyoran tindakan sewajarnya ke atas aduan ketidakpatuhan atau pelanggaran oleh pemegang lesen terhadap syarat-syarat lesen atau perundangan yang berkaitan kepada Lembaga untuk tindakan pentadbiran termasuk tindakan penggantungan atau pembatalan lesen.

9.2. Keanggotaan Jawatankuasa Pengesyoran adalah seperti berikut:

- (i) Pengerusi : Timbalan Pengarah LPKP
- (ii) Anggota : Pegawai Turus Penguatkuasaan Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Polis Diraja Malaysia ("**PDRM**")
- (iii) Anggota : Ketua Bahagian Penguatkuasaan JPJ
- (iv) Anggota : Pegawai Bahagian Kejuruteraan Automotif JPJ
- (v) Urus Setia : (a) Bahagian Pematuhan
(b) Pegawai Undang-Undang

9.3. Mesyuarat Jawatankuasa Pengesyoran akan diadakan empat (4) kali setahun secara berkala. Kertas pertimbangan yang berkaitan akan dibentangkan untuk keputusan Lembaga pada Mesyuarat Lembaga bulan berikutnya.

10. JADUAL KESALAHAN DAN TINDAKAN

10.1. Jadual kesalahan dan tindakan adalah seperti yang disenaraikan di **Lampiran A**. Kiraan kesalahan adalah berdasarkan kesalahan terkumpul dalam tempoh tiga (3) tahun dari tarikh kesalahan pertama.

10.2. Tindakan ke atas pemegang lesen hanya akan dimulakan dengan penerimaan Borang Aduan dengan dokumen pembuktian yang lengkap daripada—

- (i) Agensi Penguatkuasaan termasuk PDRM, JPJ dan Pihak Berkuasa Tempatan (“PBT”);
- (ii) Rakan Strategik termasuk Kementerian Pengangkutan Sarawak, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah; dan
- (iii) Orang awam.

10.3. Walau apa pun perkara 10.2, LPKP Sarawak boleh memulakan tindakan bagi ketidakpatuhan atau pelanggaran yang disenaraikan di bawah, dengan syarat, maklumat yang berada dalam kawalan dan simpanan LPKP Sarawak adalah mencukupi untuk menunjukkan bahawa ketidakpatuhan atau pelanggaran telah berlaku—

- (i) Tidak mempunyai lesen yang sah;
- (ii) Melanggar syarat lesen;
- (iii) Laluan operasi/ kawasan operasi atau jadual operasi/ kekerapan operasi tidak mengikut ketetapan;
- (iv) Gagal menunjukkan salinan jadual waktu operasi atau jadual tambang yang diluluskan dalam kenderaan;
- (v) Gagal menunjukkan dokumen-dokumen berhubung dengan barangan yang dibawa dalam kenderaan dibenarkan;
- (vi) Menyimpan kenderaan selain di tempat yang ditetapkan;
- (vii) Gagal melengkapi kenderaan dengan kemudahan sistem kedudukan sejagat (“GPS”)/ Gagal memberikan laporan GPS apabila diminta;
- (viii) Gagal melekatkan Pelekat Aduan JPJ dan LPKP Sarawak / Gagal mempamerkan Pelekat Aduan JPJ dan LPKP Sarawak yang jelas;
- (ix) Kerap/ Sengaja melakukan pelanggaran; dan
- (x) Tidak mempunyai kad pemandu yang sah (bagi lesen kenderaan perkhidmatan awam kelas teksi dan kereta sewa).

10.4. Walau apa pun perkara 10.2, Lembaga boleh mengarahkan LPKP Sarawak untuk memulakan tindakan bagi ketidakpatuhan atau pelanggaran yang disenaraikan di Lampiran A dengan syarat terdapat maklumat sahih yang mencukupi untuk menunjukkan bahawa ketidakpatuhan atau pelanggaran telah berlaku dan arahan berkaitan hendaklah dipersetujui oleh majoriti.

10.5. Untuk tujuan kiraan kesalahan, mana-mana kes yang diputuskan tiada tindakan lanjut (NFA) oleh Lembaga tidak akan diambil kira sebagai satu kesalahan melainkan jika ada arahan sebaliknya.

11. ADUAN

11.1. Aduan mengenai ketidakpatuhan atau pelanggaran hendaklah dibuat melalui Borang Aduan seperti di **Lampiran B** dan hendaklah dikemukakan kepada LPKP Sarawak pada kadar segera.

11.2. Aduan mengenai ketidakpatuhan atau pelanggaran oleh pengadu hendaklah disertakan dengan bukti-bukti dan dokumen-dokumen yang menyokong bahawa ketidakpatuhan atau pelanggaran telah dilakukan.

12. PEMAKAIAN

Pekeliling ini hendaklah terpakai bagi mana-mana kenderaan perdagangan yang beroperasi di Sarawak.

13. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 1 September 2025 .

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(CORNELIA WONG CHUI)

Setiausaha,

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak.

Tarikh : **29/08/2025**

s.k. Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan Malaysia
Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan Sarawak
Pesuruhjaya Polis Sarawak
Pengarah, Jabatan Pengangkutan Jalan Sarawak

LAMPIRAN A

JADUAL 1 : JADUAL KESALAHAN DAN TINDAKAN KE ATAS LESEN KENDERAAN
BERHUBUNG KENDERAAN PERKHIDMATAN AWAM

BIL	JENIS KESALAHAN	SURAT AMARAN	SURAT TUNJUK SEBAB	GANTUNG		BATAL		SENARAI HITAM
				Kesalahan Ke-2	Kesalahan Ke-3	Kesalahan Ke-4	Kesalahan Ke-5	
KESALAHAN BERKAITAN LESEN								
1.	Tidak mempunyai lesen yang sah							(a) Bukan merupakan pemegang lesen LPKP Sarawak- Diberi peluang untuk mendapatkan lesen dalam tempoh 3 bulan dan sekiranya GAGAL, SENARAI HITAM maksimum sehingga tiga (3) tahun dari tarikh kesalahan dikesan; atau (b) Merupakan pemegang lesen LPKP Sarawak- Diberi peluang untuk mendapatkan lesen dalam tempoh 3 bulan dan sekiranya GAGAL, SENARAI HITAM maksimum sehingga tiga (3) tahun dari tarikh kesalahan dikesan. Mana-mana lesen yang sah akan terus berkuatkuasa dan boleh diperbaharui, walau bagaimanapun permohonan baharu dan permohonan tambahan adalah tidak dibenarkan.

BIL	JENIS KESALAHAN	SURAT AMARAN	SURAT TUNJUK SEBAB	GANTUNG		BATAL		SENARAI HITAM
				Kesalahan Ke-2	Kesalahan Ke-3	Kesalahan Ke-4	Kesalahan Ke-5	
2.	Melanggar syarat lesen (selain yang disenaraikan di bawah)	Kesalahan Pertama	Kesalahan Kedua	3 BULAN	6 BULAN	BATAL LESEN 1	BATAL SEMUA LESEN	Pemegang lesen DISENARAI HITAM untuk tempoh maksimum sehingga tiga (3) tahun apabila SEMUA LESEN DIBATALKAN
3.	Laluan operasi/ kawasan operasi atau jadual operasi/ kekerapan operasi tidak mengikut ketetapan	Kesalahan Pertama	Kesalahan Kedua	3 BULAN	6 BULAN	BATAL LESEN 1	BATAL SEMUA LESEN	Pemegang lesen DISENARAI HITAM untuk tempoh maksimum sehingga tiga (3) tahun apabila SEMUA LESEN DIBATALKAN
4.	Gagal menunjukkan salinan jadual waktu operasi atau jadual tambang yang diluluskan dalam kenderaan	Kesalahan Pertama	Kesalahan Kedua	3 BULAN	6 BULAN	BATAL LESEN 1	BATAL SEMUA LESEN	Pemegang lesen DISENARAI HITAM untuk tempoh maksimum sehingga tiga (3) tahun apabila SEMUA LESEN DIBATALKAN
5.	Gagal menunjukkan dokumen-dokumen berhubung dengan penumpang yang dibawa dalam kenderaan dibenarkan (Bagi kelas bas catar)	Kesalahan Pertama	Kesalahan Kedua	3 BULAN	6 BULAN	BATAL LESEN 1	BATAL SEMUA LESEN	Pemegang lesen DISENARAI HITAM untuk tempoh maksimum sehingga tiga (3) tahun apabila SEMUA LESEN DIBATALKAN
6.	Mengambil/ menurunkan penumpang selain tempat yang dibenarkan <i>*pelanggaran yang merupakan bahaya kepada awam</i>	Kesalahan Pertama	Kesalahan Kedua	3 BULAN	6 BULAN	BATAL LESEN 1	BATAL SEMUA LESEN	Pemegang lesen DISENARAI HITAM untuk tempoh maksimum sehingga tiga (3) tahun apabila SEMUA LESEN DIBATALKAN

BIL	JENIS KESALAHAN	SURAT AMARAN	SURAT TUNJUK SEBAB	GANTUNG		BATAL		SENARAI HITAM
				Kesalahan Ke-2	Kesalahan Ke-3	Kesalahan Ke-4	Kesalahan Ke-5	
7.	Melebihi muatan penumpang	Kesalahan Pertama	Kesalahan Kedua	3 BULAN	6 BULAN	BATAL LESEN 1	BATAL SEMUA LESEN	Pemegang lesen DISENARAI HITAM untuk tempoh maksimum sehingga tiga (3) tahun apabila SEMUA LESEN DIBATALKAN
8.	Menyimpan kenderaan selain di tempat yang ditetapkan <i>Nota: PDRM/ JPJ hanya akan ambil tindakan sekiranya kenderaan disimpan secara berbahaya/ menghalang lalu lintas manakala lain-lain kes akan dirujuk kepada PBT untuk diambil tindakan.</i>	Kesalahan Pertama	Kesalahan Kedua	3 BULAN	6 BULAN	BATAL LESEN 1	BATAL SEMUA LESEN	Pemegang lesen DISENARAI HITAM untuk tempoh maksimum sehingga tiga (3) tahun apabila SEMUA LESEN DIBATALKAN
9.	Memberikan / mempamerkan pernyataan palsu berkaitan lesen	Kesalahan Pertama	Kesalahan Kedua	3 BULAN	6 BULAN	BATAL LESEN 1	BATAL SEMUA LESEN	Pemegang lesen DISENARAI HITAM untuk tempoh maksimum sehingga tiga (3) tahun apabila SEMUA LESEN DIBATALKAN
10.	Membenarkan seseorang memandu tanpa lesen memandu CDL/ lesen vokasional (PSV)/ kad pemandu yang sah	Kesalahan Pertama	Kesalahan Kedua	3 BULAN	6 BULAN	BATAL LESEN 1	BATAL SEMUA LESEN	Pemegang lesen DISENARAI HITAM untuk tempoh maksimum sehingga tiga (3) tahun apabila SEMUA LESEN DIBATALKAN

BIL	JENIS KESALAHAN	SURAT AMARAN	SURAT TUNJUK SEBAB	GANTUNG		BATAL		SENARAI HITAM
				Kesalahan Ke-2	Kesalahan Ke-3	Kesalahan Ke-4	Kesalahan Ke-5	
11.	Gagal melengkapi kenderaan dengan kemudahan GPS / Gagal mengemukakan laporan GPS apabila diminta	Kesalahan Pertama	Kesalahan Kedua	3 BULAN	6 BULAN	BATAL LESEN 1	BATAL SEMUA LESEN	Pemegang lesen DISENARAI HITAM untuk tempoh maksimum sehingga tiga (3) tahun apabila SEMUA LESEN DIBATALKAN
12.	Gagal melekatkan Pelekat Aduan JPJ dan LPKP Sarawak / Gagal mempamerkan Pelekat Aduan JPJ dan LPKP Sarawak yang jelas	Kesalahan Pertama	Kesalahan Kedua	3 BULAN	6 BULAN	BATAL LESEN 1	BATAL SEMUA LESEN	Pemegang lesen DISENARAI HITAM untuk tempoh maksimum sehingga tiga (3) tahun apabila SEMUA LESEN DIBATALKAN
13.	Kenderaan tidak dijaga/ diselenggara dengan baik dan tidak boleh digunakan sebagaimana yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah JPJ <i>*pelanggaran yang merupakan bahaya kepada awam</i>	Kesalahan Pertama	Kesalahan Kedua	3 BULAN	6 BULAN	BATAL LESEN 1	BATAL SEMUA LESEN	Pemegang lesen DISENARAI HITAM untuk tempoh maksimum sehingga tiga (3) tahun apabila SEMUA LESEN DIBATALKAN

BIL	JENIS KESALAHAN	SURAT AMARAN	SURAT TUNJUK SEBAB	GANTUNG		BATAL		SENARAI HITAM
				Kesalahan Ke-2	Kesalahan Ke-3	Kesalahan Ke-4	Kesalahan Ke-5	
KESALAHAN BERKAITAN TATAKELAKUAN PEMANDU								
14.	Melebihi had laju yang dibenarkan <i>*pelanggaran yang merupakan bahaya kepada awam</i>	Kesalahan Pertama	Kesalahan Kedua	3 BULAN <i>(Pemegang lesen juga dihendaki untuk menggantung perkhidmatan pemandu yang berkaitan untuk tempoh tidak melebihi 3 bulan)</i>	6 BULAN <i>(Pemegang lesen juga dihendaki untuk menggantung perkhidmatan pemandu yang berkaitan untuk tempoh tidak kurang daripada 3 bulan sekiranya melibatkan pemandu yang sama dengan pelanggaran sebelumnya)</i>	BATAL LESEN 1	BATAL SEMUA LESEN	Pemegang lesen DISENARAI HITAM untuk tempoh maksimum sehingga tiga (3) tahun apabila SEMUA LESEN DIBATALKAN

BIL	JENIS KESALAHAN	SURAT AMARAN	SURAT TUNJUK SEBAB	GANTUNG		BATAL		SENARAI HITAM
				Kesalahan Ke-2	Kesalahan Ke-3	Kesalahan Ke-4	Kesalahan Ke-5	
15.	Memandu secara melulu dan bahaya (termasuk memandu di bawah pengaruh dadah atau alkohol)	Kesalahan Pertama	Kesalahan Kedua	3 BULAN (Pemegang lesen juga dihendaki untuk menggantung perkhidmatan pemandu yang berkaitan untuk tempoh tidak melebihi 3 bulan)	6 BULAN (Pemegang lesen juga dihendaki untuk menggantung perkhidmatan pemandu yang berkaitan untuk tempoh tidak kurang daripada 3 bulan sekiranya melibatkan pemandu yang sama dengan pelanggaran sebelumnya)	BATAL LESEN 1	BATAL SEMUA LESEN	Pemegang lesen DISENARAI HITAM untuk tempoh maksimum sehingga tiga (3) tahun apabila SEMUA LESEN DIBATALKAN
				(Sekiranya pemandu disabitkan, lesen kenderaan yang digunakan melakukan kesalahan dicadang untuk terus DIGANTUNG)				

BIL	JENIS KESALAHAN	SURAT AMARAN	SURAT TUNJUK SEBAB	GANTUNG		BATAL		SENARAI HITAM
				Kesalahan Ke-2	Kesalahan Ke-3	Kesalahan Ke-4	Kesalahan Ke-5	
16.	Kerap/ Sengaja melakukan pelanggaran (Melibatkan gabungan 2 jenis atau lebih pelanggaran berbeza yang telah dikeluarkan Surat Amaran)	Kesalahan Pertama	Kesalahan Kedua	3 BULAN (Pemegang lesen juga dihindaki untuk menggantung perkhidmatan pemandu yang berkaitan untuk tempoh tidak melebihi 3 bulan)	6 BULAN (Pemegang lesen juga dihindaki untuk menggantung perkhidmatan pemandu yang berkaitan untuk tempoh tidak kurang daripada 3 bulan sekiranya melibatkan pemandu yang sama dengan pelanggaran sebelumnya)	BATAL LESEN 1	BATAL SEMUA LESEN	Pemegang lesen DISENARAI HITAM untuk tempoh maksimum sehingga tiga (3) tahun apabila SEMUA LESEN DIBATALKAN

BIL	JENIS KESALAHAN	SURAT AMARAN	SURAT TUNJUK SEBAB	GANTUNG		BATAL		SENARAI HITAM
				Kesalahan Ke-2	Kesalahan Ke-3	Kesalahan Ke-4	Kesalahan Ke-5	
17.	Menggunakan kenderaan untuk tujuan menyalahi undang-undang	Kesalahan Pertama	Kesalahan Kedua	3 BULAN	6 BULAN	BATAL LESEN 1	BATAL SEMUA LESEN	Pemegang lesen DISENARAI HITAM untuk tempoh maksimum sehingga tiga (3) tahun apabila SEMUA LESEN DIBATALKAN
				(sekiranya melibatkan pengadilkan kes jenayah/ trafik di Mahkamah, Pemegang lesen juga dihendaki untuk menggantung perkhidmatan pemandu yang berkaitan sehingga keputusan Mahkamah diperolehi dan sekiranya melibatkan kesalahan yang berat (kecederaan parah atau kematian) jika didapati bersalah lesen akan terus DIBATALKAN)				
18.	Kemalangan	Kesalahan Pertama	Kesalahan Kedua	3 BULAN	6 BULAN	BATAL LESEN 1	BATAL SEMUA LESEN	Pemegang lesen DISENARAI HITAM untuk tempoh maksimum sehingga tiga (3) tahun apabila SEMUA LESEN DIBATALKAN
				(sekiranya melibatkan pengadilkan kes jenayah/ trafik di Mahkamah (terhad kepada kes yang menyebabkan kecederaan parah atau kematian sahaja), Pemegang lesen juga dihendaki untuk menggantung perkhidmatan pemandu yang berkaitan sehingga keputusan Mahkamah diperolehi)				

**JADUAL 2 : JADUAL KESALAHAN DAN TINDAKAN KE ATAS KAD PEMANDU
BERHUBUNG KENDERAAN PERKHIDMATAN AWAM
(Bagi Kelas Teksi Dan Kereta Sewa)**

BIL	JENIS KESALAHAN	SURAT AMARAN	SURAT TUNJUK SEBAB	GANTUNG	BATAL	SENARAI HITAM
KESALAHAN BERKAITAN TATAKELAKUAN PEMANDU						
1.	Tidak mempunyai kad pemandu yang sah					Diberi peluang untuk mendapatkan kad pemandu dalam tempoh 3 bulan dan sekiranya GAGAL, SENARAI HITAM maksimum sehingga tiga (3) tahun dari tarikh kesalahan dikesan
2.	Menggunakan kenderaan untuk tujuan menyalahi undang-undang		Apa-apa kes (jenayah/trafik) dibawa ke Mahkamah	GANTUNG sehingga keputusan Mahkamah diperolehi	BATAL jika didapati bersalah	Pemegang lesen DISENARAI HITAM untuk tempoh maksimum sehingga tiga (3) tahun apabila SEMUA LESEN DIBATALKAN
3.	Kemalangan		Kes (jenayah/trafik) dibawa ke Mahkamah (terhad untuk kes yang melibatkan kecederaan parah dan kemalangan maut sahaja)	GANTUNG sehingga keputusan Mahkamah diperolehi	BATAL jika didapati bersalah	Pemegang lesen DISENARAI HITAM untuk tempoh maksimum sehingga tiga (3) tahun apabila SEMUA LESEN DIBATALKAN

JADUAL 3 : JADUAL KESALAHAN DAN TINDAKAN KE ATAS LESEN KENDERAAN
BERHUBUNG KENDERAAN BARANGAN

BIL	JENIS KESALAHAN	SURAT AMARAN	SURAT TUNJUK SEBAB	GANTUNG		BATAL		SENARAI HITAM
				Kesalahan Ke-2	Kesalahan Ke-3	Kesalahan Ke-4	Kesalahan Ke-5	
KESALAHAN BERKAITAN LESEN								
1.	Tidak mempunyai lesen yang sah							(a) Bukan merupakan pemegang lesen LPKP Sarawak- Diberi peluang untuk mendapatkan lesen dalam tempoh 3 bulan dan sekiranya GAGAL, SENARAI HITAM maksimum sehingga tiga (3) tahun dari tarikh kesalahan dikesan; atau (b) Merupakan pemegang lesen LPKP Sarawak- Diberi peluang untuk mendapatkan lesen dalam tempoh 3 bulan dan sekiranya GAGAL, SENARAI HITAM maksimum sehingga tiga (3) tahun dari tarikh kesalahan dikesan. Mana-mana lesen yang sah akan terus berkuatkuasa dan boleh diperbaharui, walau bagaimanapun permohonan baharu dan permohonan tambahan adalah tidak dibenarkan.

BIL	JENIS KESALAHAN	SURAT AMARAN	SURAT TUNJUK SEBAB	GANTUNG		BATAL		SENARAI HITAM
				Kesalahan Ke-2	Kesalahan Ke-3	Kesalahan Ke-4	Kesalahan Ke-5	
2.	Melanggar syarat lesen (selain yang disenaraikan di bawah)	Kesalahan Pertama	Kesalahan Kedua	3 BULAN	6 BULAN	BATAL LESEN 1	BATAL SEMUA LESEN	Pemegang lesen DISENARAI HITAM untuk tempoh maksimum sehingga tiga (3) tahun apabila SEMUA LESEN DIBATALKAN
3.	Laluan operasi/ kawasan operasi atau jadual operasi/ kekerapan operasi tidak mengikut ketetapan	Kesalahan Pertama	Kesalahan Kedua	3 BULAN	6 BULAN	BATAL LESEN 1	BATAL SEMUA LESEN	Pemegang lesen DISENARAI HITAM untuk tempoh maksimum sehingga tiga (3) tahun apabila SEMUA LESEN DIBATALKAN
4.	Gagal menunjukkan dokumen-dokumen berhubung dengan barangan yang dibawa dalam kenderaan dibenarkan	Kesalahan Pertama	Kesalahan Kedua	3 BULAN	6 BULAN	BATAL LESEN 1	BATAL SEMUA LESEN	Pemegang lesen DISENARAI HITAM untuk tempoh maksimum sehingga tiga (3) tahun apabila SEMUA LESEN DIBATALKAN
5.	Memuat/ memunggah barang selain tempat yang dibenarkan <i>*pelanggaran yang merupakan bahaya kepada awam</i>	Kesalahan Pertama	Kesalahan Kedua	3 BULAN	6 BULAN	BATAL LESEN 1	BATAL SEMUA LESEN	Pemegang lesen DISENARAI HITAM untuk tempoh maksimum sehingga tiga (3) tahun apabila SEMUA LESEN DIBATALKAN
6.	Melebihi muatan <i>*pelanggaran yang merupakan bahaya kepada awam</i>	Kesalahan Pertama	Kesalahan Kedua	3 BULAN	6 BULAN	BATAL LESEN 1	BATAL SEMUA LESEN	Pemegang lesen DISENARAI HITAM untuk tempoh maksimum sehingga tiga (3) tahun apabila SEMUA LESEN DIBATALKAN

BIL	JENIS KESALAHAN	SURAT AMARAN	SURAT TUNJUK SEBAB	GANTUNG		BATAL		SENARAI HITAM
				Kesalahan Ke-2	Kesalahan Ke-3	Kesalahan Ke-4	Kesalahan Ke-5	
7.	Membawa muatan secara berbahaya/ tak kemas	Kesalahan Pertama	Kesalahan Kedua	3 BULAN	6 BULAN	BATAL LESEN 1	BATAL SEMUA LESEN	Pemegang lesen DISENARAI HITAM untuk tempoh maksimum sehingga tiga (3) tahun apabila SEMUA LESEN DIBATALKAN
8.	Menyimpan kenderaan selain di tempat yang ditetapkan <i>Nota: PDRM/ JPJ hanya akan ambil tindakan sekiranya kenderaan disimpan secara berbahaya/ menghalang lalu lintas manakala lain-lain kes akan dirujuk kepada PBT untuk diambil tindakan.</i>	Kesalahan Pertama	Kesalahan Kedua	3 BULAN	6 BULAN	BATAL LESEN 1	BATAL SEMUA LESEN	Pemegang lesen DISENARAI HITAM untuk tempoh maksimum sehingga tiga (3) tahun apabila SEMUA LESEN DIBATALKAN
9.	Memberikan / mempamerkan pernyataan palsu berkaitan lesen	Kesalahan Pertama	Kesalahan Kedua	3 BULAN	6 BULAN	BATAL LESEN 1	BATAL SEMUA LESEN	Pemegang lesen DISENARAI HITAM untuk tempoh maksimum sehingga tiga (3) tahun apabila SEMUA LESEN DIBATALKAN
10.	Membenarkan seseorang memandu tanpa lesen memandu CDL/ lesen vokasional (GDL) yang sah	Kesalahan Pertama	Kesalahan Kedua	3 BULAN	6 BULAN	BATAL LESEN 1	BATAL SEMUA LESEN	Pemegang lesen DISENARAI HITAM untuk tempoh maksimum sehingga tiga (3) tahun apabila SEMUA LESEN DIBATALKAN
11.	Gagal melengkapi kenderaan dengan kemudahan GPS / Gagal memberikan laporan GPS apabila diminta	Kesalahan Pertama	Kesalahan Kedua	3 BULAN	6 BULAN	BATAL LESEN 1	BATAL SEMUA LESEN	Pemegang lesen DISENARAI HITAM untuk tempoh maksimum sehingga tiga (3) tahun apabila SEMUA LESEN DIBATALKAN

BIL	JENIS KESALAHAN	SURAT AMARAN	SURAT TUNJUK SEBAB	GANTUNG		BATAL		SENARAI HITAM
				Kesalahan Ke-2	Kesalahan Ke-3	Kesalahan Ke-4	Kesalahan Ke-5	
12.	Gagal melekatkan Pelekat Aduan JPJ dan LPKP Sarawak / Gagal mempamerkan Pelekat Aduan JPJ dan LPKP Sarawak yang jelas	Kesalahan Pertama	Kesalahan Kedua	3 BULAN	6 BULAN	BATAL LESEN 1	BATAL SEMUA LESEN	Pemegang lesen DISENARAI HITAM untuk tempoh maksimum sehingga tiga (3) tahun apabila SEMUA LESEN DIBATALKAN
13.	Kenderaan tidak dijaga/ diselenggara dengan baik dan tidak boleh digunakan sebagaimana yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah JPJ <i>*pelanggaran yang merupakan bahaya kepada awam</i>	Kesalahan Pertama	Kesalahan Kedua	3 BULAN	6 BULAN	BATAL LESEN 1	BATAL SEMUA LESEN	Pemegang lesen DISENARAI HITAM untuk tempoh maksimum sehingga tiga (3) tahun apabila SEMUA LESEN DIBATALKAN

BIL	JENIS KESALAHAN	SURAT AMARAN	SURAT TUNJUK SEBAB	GANTUNG		BATAL		SENARAI HITAM
				Kesalahan Ke-2	Kesalahan Ke-3	Kesalahan Ke-4	Kesalahan Ke-5	
KESALAHAN BERKAITAN TATAKELAKUAN PEMANDU								
14.	Melebihi had laju yang dibenarkan <i>*pelanggaran yang merupakan bahaya kepada awam</i>	Kesalahan Pertama	Kesalahan Kedua	3 BULAN (Pemegang lesen juga dihindaki untuk menggantung perkhidmatan pemandu yang berkaitan untuk tempoh tidak melebihi 3 bulan)	6 BULAN (Pemegang lesen juga dihindaki untuk menggantung perkhidmatan pemandu yang berkaitan untuk tempoh tidak kurang daripada 3 bulan sekiranya melibatkan pemandu yang sama dengan pelanggaran sebelumnya)	BATAL LESEN 1	BATAL SEMUA LESEN	Pemegang lesen DISENARAI HITAM untuk tempoh maksimum sehingga tiga (3) tahun apabila SEMUA LESEN DIBATALKAN

BIL	JENIS KESALAHAN	SURAT AMARAN	SURAT TUNJUK SEBAB	GANTUNG		BATAL		SENARAI HITAM
				Kesalahan Ke-2	Kesalahan Ke-3	Kesalahan Ke-4	Kesalahan Ke-5	
15.	Memandu secara melulu dan bahaya (termasuk memandu di bawah pengaruh dadah atau alkohol)	Kesalahan Pertama	Kesalahan Kedua	3 BULAN <i>(Pemegang lesen juga dihendaki untuk menggantung perkhidmatan pemandu yang berkaitan untuk tempoh tidak melebihi 3 bulan)</i>	6 BULAN <i>(Pemegang lesen juga dihendaki untuk menggantung perkhidmatan pemandu yang berkaitan untuk tempoh tidak kurang daripada 3 bulan sekiranya melibatkan pemandu yang sama dengan pelanggaran sebelumnya)</i>	BATAL 1 LESEN	BATAL SEMUA LESEN	Pemegang lesen DISENARAI HITAM untuk tempoh maksimum sehingga tiga (3) tahun apabila SEMUA LESEN DIBATALKAN
				<i>(Sekiranya pemandu disabitkan, lesen kenderaan yang digunakan melakukan kesalahan dicadang untuk terus DIGANTUNG)</i>				

BIL	JENIS KESALAHAN	SURAT AMARAN	SURAT TUNJUK SEBAB	GANTUNG		BATAL		SENARAI HITAM
				Kesalahan Ke-2	Kesalahan Ke-3	Kesalahan Ke-4	Kesalahan Ke-5	
16.	Kerap/ Sengaja melakukan pelanggaran (Melibatkan gabungan 2 jenis atau lebih pelanggaran berbeza yang telah dikeluarkan Surat Amaran)	Kesalahan Pertama	Kesalahan Kedua	3 BULAN (Pemegang lesen juga dihindaki untuk menggantung perkhidmatan pemandu yang berkaitan untuk tempoh tidak melebihi 3 bulan)	6 BULAN (Pemegang lesen juga dihindaki untuk menggantung perkhidmatan pemandu yang berkaitan untuk tempoh tidak kurang daripada 3 bulan sekiranya melibatkan pemandu yang sama dengan pelanggaran sebelumnya)	BATAL LESEN 1	BATAL SEMUA LESEN	Pemegang lesen DISENARAI HITAM untuk tempoh maksimum sehingga tiga (3) tahun apabila SEMUA LESEN DIBATALKAN

BIL	JENIS KESALAHAN	SURAT AMARAN	SURAT TUNJUK SEBAB	GANTUNG		BATAL		SENARAI HITAM
				Kesalahan Ke-2	Kesalahan Ke-3	Kesalahan Ke-4	Kesalahan Ke-5	
17.	Menggunakan kenderaan untuk tujuan menyalahi undang-undang	Kesalahan Pertama	Kesalahan Kedua	3 BULAN	6 BULAN	BATAL LESEN 1	BATAL SEMUA LESEN	Pemegang lesen DISENARAI HITAM untuk tempoh maksimum sehingga tiga (3) tahun apabila SEMUA LESEN DIBATALKAN
				(sekiranya melibatkan pengadilan kes jenayah/ trafik di Mahkamah, Pemegang lesen juga dihendaki untuk menggantung perkhidmatan pemandu yang berkaitan sehingga keputusan Mahkamah diperolehi dan sekiranya melibatkan kesalahan yang berat (kecederaan parah atau kematian) jika didapati bersalah lesen akan terus DIBATALKAN)				
18.	Kemalangan	Kesalahan Pertama	Kesalahan Kedua	3 BULAN	6 BULAN	BATAL LESEN 1	BATAL SEMUA LESEN	Pemegang lesen DISENARAI HITAM untuk tempoh maksimum sehingga tiga (3) tahun apabila SEMUA LESEN DIBATALKAN
				(sekiranya melibatkan pengadilan kes jenayah/ trafik di Mahkamah (terhad kepada kes yang menyebabkan kecederaan parah atau kematian sahaja), Pemegang lesen juga dihendaki untuk menggantung perkhidmatan pemandu yang berkaitan sehingga keputusan Mahkamah diperolehi)				

LAMPIRAN B



LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK

BORANG ADUAN

(DASAR TINDAKAN PENGGANTUNGAN ATAU PEMBATALAN LESEN)

I. Maklumat Kenderaan *(Sila tandakan ✓ dalam kotak yang berkaitan)*

Jenis	☐	Lori	☐	Teksi	☐	Bas
Kelas Lesen:	☐	A	☐	Teksi	☐	Bas Berhenti-henti
	☐	C	☐	Kereta Sewa	☐	Bas Ekspres
					☐	Bas Sekolah
					☐	Bas Pengantara
					☐	Bas Pekerja

No. Pendaftaran Kenderaan :

II. Maklumat Syarikat

Nama Syarikat :

Alamat Syarikat :

III. Maklumat Pemandu

Nama Pemandu :

No. Kad Pengenalan : No. Telefon :

IV. Maklumat Ketidakpatuhan atau Pelanggaran

Tarikh :

Masa :

Tempat :

Jenis / Huraian Ketidakpatuhan atau Pelanggaran

V. Pengakuan Pengadu

Saya mengaku bahawa sebaik pengetahuan dan kepercayaan saya segala maklumat yang diberikan adalah betul dan benar. Saya mengambil maklum bahawa aduan saya tidak akan diproses sekiranya maklumat yang diberikan tidak tepat dan tidak lengkap.

Tandatangan :

.....

Nama Pengadu :

No. Kad Pengenalan :

No. Telefon :

Tarikh :

Agensi :

☐ JPJ ☐ PDRM ☐ PBT ☐ Lain-Lain

Sila tandakan ✓ dalam kotak yang berkaitan. Jika lain-lain, sila nyatakan di bawah ini

ARAHAN DAN PANDUAN:

- i. Sila isi Borang dengan jelas dan lengkap.
- ii. Sila gunakan lampiran tambahan sekiranya ruang huraian yang disediakan tidak mencukupi.
- iii. Sila sertakan dokumen sokongan seperti salinan laporan keputusan kes Mahkamah, salinan saman, gambar dan mana-mana dokumen yang berkaitan bagi menyokong aduan.

(UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA)

Diterima oleh :

Tarikh/ Masa :

No. Rujukan Fail :

No. Rujukan Lesen :